



MS ISO 9001:2015 REG. NO. KLR-0500197



KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Rujukan Kami : UPNM(P)01.03/06 Jld.2 (21)
Tarikh : 20 November 2019

Semua Staf

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
Kuala Lumpur

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan,

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 9 TAHUN 2019: KEMUDAHAN TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH DAN TAMBANG MENGURUS PEMINDAHAN BARANG BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeling Jabatan Pendaftar ini bertujuan memaklumkan **Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang Bagi Pegawai Yang Bertukar Wilayah di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.**

2.0 PENGENALAN

Sebagai penambahbaikan, kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah turut diberikan kepada pegawai dan ahli keluarga sekiranya ada di kalangan ahli keluarga pegawai meninggal dunia di wilayah berkhidmat. Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang juga

dipanjangkan kepada waris pegawai bujang sekiranya pegawai tersebut meninggal dunia di wilayah berkhidmat.

3.0 PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN

3.1 Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah diperuntukkan dalam keadaan seperti berikut:

- (a) Sekiranya pegawai meninggal dunia di wilayah berkhidmat, ahli keluarga pegawai diberi kemudahan tambang kapal terbang untuk mengiringi jenazah dari wilayah berkhidmat ke tempat pengebumian atau penyempurnaan mayat di wilayah asal;
- (b) Sekiranya ahli keluarga pegawai meninggal dunia di wilayah berkhidmat, pegawai dan ahli keluarga diberi kemudahan tambang kapal terbang untuk mengiringi jenazah ke tempat pengebumian atau penyempurnaan mayat terhad di dalam Malaysia sahaja. Kemudahan tambang kapal terbang juga diberi kepada pegawai dan ahli keluarga untuk pulang semula ke wilayah berkhidmat selepas selesai urusan pengebumian jenazah; atau
- (c) Sekiranya pegawai bujang meninggal dunia di wilayah berkhidmat, seorang waris diberi kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik untuk mengiringi jenzah dari wilayah berkhidmat ke tempat pengebumian atau penyempurnaan mayat di wilayah asal.

3.2 Kemudahan Tambang Mengurus Pemindahan Barang diperuntukkan dalam keadaan-keadaan seperti berikut:

- (a) Sekiranya pegawai meninggal dunia di wilayah pegawai berkhidmat, pasangan pegawai atau seorang ahli keluarga diberi kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik untuk menguruskan

pemindahan barang dari wilayah berkhidmat ke wilayah asalnya. Dalam keadaan di mana pasangan atau ahli keluarga tidak dapat menguruskan pemindahan barang, seorang waris bagi mewakili pihak keluarga pegawai boleh diluluskan kemudahan tambang ini oleh Ketua Jabatan terakhir pegawai; atau

- (b) Sekiranya pegawai bujang meninggal dunia di wilayah berkhidmat, seorang waris diberi kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik untuk menguruskan pemindahan barang-barang pegawai dari wilayah berkhidmat ke wilayah asalnya.
- 3.3 Perbelanjaan yang akan ditanggung oleh UPNM akan meliputi keseluruhan kos tambang kapal terbang termasuk harga tiket penerbangan, cukai lapangan terbang: insurans penumpang dan surc妖 bahan api. Walau bagaimanapun, UPNM tidak akan menanggung kos berkaitan tambang kapal terbang yang disebabkan kecuaian atau urusan peribadi seperti penukaran tarikh penerbangan, kos lebihan bagasi dan sebagainya.
- 3.4 Permohonan untuk menggunakan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang hendaklah menggunakan Borang Jabatan Pendaftar seperti yang dilampirkan.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Jabatan Pendaftar ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2019**.

5.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Jabatan Pendaftar ini, maka perenggan 8 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1978 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003 adalah **dibatalkan**.

6.0 PUNCA KUASA / RUJUKAN

- i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2019.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor (EXCO) Bilangan 5 Tahun 2019.
- iii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UPNM Kali Ke-39 Bilangan 3 Tahun 2019.

7.0 PENUTUP

Kemudahan ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka kemudahan ini tidak boleh dipanjangkan ke organisasi / badan melantik yang baharu.

Sekian, terima kasih.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,



SARINA BINTI ABDUL RANI
Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

